

Rais mungkin diberi potfolio Pelajaran

MENTERI: 10 MUDA BARU

Oleh JAMALUDIN BAKAR
dan ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Ahad — Empat Menteri penuh dan sekurangnya enam Timbalan Menteri muka baru dijangka dilantik menyertai kabinet bersih, cekap dan amanah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahahir Mohamad dan Datuk Musa Hitam (3M) yang akan diumumkan dalam beberapa hari lagi. Empat Menteri penuh tersebut ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim, bekas pemimpin ABIM, Enck Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Menteri

Kewangan, Datuk Mak Hon Kam dan seorang dari parti SUPP.

Manakala enam Timbalan Menteri pula terdiri dari bekas Menteri Besar Pahang, Enck Abdul Rahim bin Abu Bakar, bekas Ketua Menteri Melaka, Enck Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, bekas Exco Negeri Selangor, Puan Zaleha Jamali, Timbalan Presiden MIC, Enck S. Subramaniam dan pemimpin MCA Perak, Enck Peter Chin.

Berita Harian difahamkan, pentadbiran 3M akan melantik Menteri dan Timbalan Menteri serta Jawatan Setiausaha Parlimen di kalangan parti komponen BN mengikut status quo lama.

Anggota campuran

Perantikan setiap anggota kabinet merupakan campuran antara golongan muda dan veteran di samping memastikan setiap mereka yang dilantik itu terdiri dari golongan yang profesional ataupun pakar dalam sesuatu bidang, kata sumber yang mengetahui hari ini.

Bagaimanapun, kedudukan Menteri-menteri kabinet yang memang berunding dalam pilihanraya umum lalu dipercayai akan dikekalkan meskipun beberapa rombakan mungkin berlaku dalam beberapa portfolio.

Menteri-menteri yang kekal dalam portfolio masing-masing terdiri dari Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rihandeen.

Perkembangan Islam

Berita Harian difahamkan Datuk Rais dipercayai akan memegang portfolio Menteri Pelajaran manakala Enck Anwar pula menjadi Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Enck Anwar difahamkan akan bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama di samping memunculkan perhatian terhadap perkembangan Islam di dalam dan luar negeri.

Datuk Mak pula dilantik menjadi Menteri penuh untuk menggantikan jawatan yang dikosongkan oleh Timbalan Presiden MCA, Datuk Richard Ho selaku Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Manakala tokoh dari parti SUPP pula akan menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Tan Sri Ong Kee Hui.

Berita Harian juga difahamkan di samping itu, beberapa Setiausaha Parlimen akan dilantik menjadi Timbalan Menteri. Manakala beberapa golongan muda dilantik menjadi Setiausaha Parlimen.

2675
.....
42085